

**Najib Gemar Buku Mengenai Sejarah, Tokoh Dan Pemikiran Strategik
Bernama
26 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata dari dahulu lagi beliau suka membaca buku mengenai sejarah, pemikiran strategik dan kisah tokoh-tokoh masyarakat.

"Saya telah membesar dengan buku-buku sebegini," kata Perdana Menteri dalam laman blog www.1malaysia.com pada Isnin.

Katanya koleksi buku-buku beliau sekarang masih sama seperti dahulu iaitu bahan bacaan yang cenderung ke arah penulisan bukan fiksiyen.

Buku-buku sebegini, kata beliau, tidak menghadirkan senario-senario seperti dalam buku-buku fiksiyen yang hanya dipenuhi oleh imaginasi.

Najib berkata buku bukan fiksiyen menggariskan satu mesej yang cukup bermakna iaitu perihal manusia dan kemanusiaan yang sebenar, selain menceritakan kisah dan situasi sebenar selain ujian dan kejayaan sebenar yang dialami oleh insan-insan biasa, bukan yang dibentuk oleh imaginasi.

Perdana Menteri berkata cerita-cerita sebegini turut diadaptasi dan diceritakan semula dalam bentuk percetakan, skrin dan pementasan.

Katanya sebagai perdana menteri, hari-hari beliau selalunya dipenuhi dengan aktiviti berkaitan kerja.

"Oleh itu, saya amat menghargai masa yang dapat diluangkan untuk aktiviti peribadi yang saya gemari, seperti membaca buku," kata Najib sambil menjelaskan bahawa baru-baru ini beliau berkesempatan membaca buku biografi mengenai Steve Jobs, pengasas komputer "Apple" yang meninggal dunia dunia akibat kanser baru-baru ini.

Katanya ketabahan luar biasa ikon-ikon seperti Nelson Mandela, Sir Winston Churchill atau pandangan berharga Malcolm Gladwell, W.Chan Kim dan Rene Maubourgne telah dan akan terus menyemarakkan lagi aspirasi masyarakat.

Najib menyeru rakyat Malaysia yang mempunyai masa terluang supaya terus membaca sekerap yang mungkin.

Perdana Menteri juga meminta orang ramai memberi komen dalam blognya mengenai bahan bacaan kegemaran mereka agar beliau dapat tahu buka apa yang menjadi pilihan rakyat Malaysia masa kini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654902>

